

SIARAN SEGERA



KENYATAAN MEDIA

MAKLUMAN STATUS SEMASA BENCANA DI LEBUH RAYA – LEBUH RAYA BERTOL

KAJANG, 19 Disember 2021 – Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) kini sedang memantau status semasa kejadian banjir yang berlaku di lebuhraya bertol bermula 18 Disember 2021 sehingga kini. Jabatan Meteorologi Malaysia menjangkakan hujan akan berterusan sehingga 19 Disember 2021.

Di antara lebuhraya – lebuhraya bertol yang terlibat di sekitar Lembah Klang adalah Lebuhraya Kemuning – Shah Alam (LKSA), Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE), Lebuhraya Jalan Pintas Selat Klang Utara Baru (NNKSB) dan Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Lebuhraya Damansara Puchong (LDP), Lebuhraya Shah Alam (KESAS), Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang (SILK) dan Lebuhraya Cheras Kajang (Grand Saga). Manakala di lebuhraya bertol yang terlibat arah timur adalah Lebuhraya KL – Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1).

Sementara itu YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kanan Kerja Raya hari ini meninjau ke lokasi banjir di KM 69.5 sehingga 75.1 (Bentong ke Karak) Lebuhraya KL-Karak. Beliau telah mengarahkan LLM dan syarikat konsesi untuk menghantar bantuan segera kepada pengguna lebuhraya yang terperangkap disebabkan banjir di lebuhraya.

LLM telah bersiap sedia sepenuhnya dan telah mengambil langkah perlu untuk memastikan kelancaran trafik di lebuhraya dan hebahan maklumat kepada pengguna dari semasa ke semasa.

SIARAN SEGERA

Syarikat pengendali lebuhraya juga telah diarahkan untuk melakukan persiapan dan bersiap siaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku di lebuhraya samada melibatkan pengguna atau kemudahan yang disediakan di lebuhraya berkaitan.

LLM juga ingin menasihatkan pengguna agar :-

- Menyemak status banjir semasa dan merancang sebelum memulakan perjalanan.
- Memastikan kenderaan dalam keadaan baik sebelum memulakan perjalanan.

Pengguna lebuhraya boleh menghubungi Pusat Pengurusan Trafik Lembaga Lebuhraya Malaysia di talian 1 – 800 – 88 – 7752 untuk mendapatkan maklumat status keadaan lebuhraya sebelum memulakan perjalanan. Maklumat keadaan trafik juga boleh diperolehi menerusi laman Facebook : Lembaga Lebuhraya Malaysia atau di Twitter @LLMinfotrafik.

#KeluargaMalaysia
#BekerjaBersamaRakyat

- Tamat –

Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia
19 Disember 2021